

Rujukan Kami : Bil ( ) dlm. BKP&K.800/90/JILID 3  
Tarikh : 12 Julai 2016

(Alamat Majikan / Kesatuan )

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI 2<sup>nd</sup> MALAYSIA PRODUCTIVITY-LINKED WAGES CONFERENCE ( 2<sup>nd</sup> My-PLiC) : TRANSFORMING WAGES STRUCTURE THAT PROMOTE WEALTH CREATION AND WEALTH SHARING**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) akan menganjurkan **2<sup>nd</sup> Malaysia Productivity-Linked Wages Conference (2<sup>nd</sup> My-PLiC)** yang merupakan satu program bertujuan untuk mempromosikan dan memacu pelaksanaan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti / *Productivity-Linked Wage System (PLWS)* di Malaysia.

3. Pengisian program termasuklah ceramah berkaitan faedah yang akan diperolehi oleh majikan dan pekerja apabila PLWS dilaksanakan, sesi perkongsian kejayaan oleh syarikat mengenai pelaksanaan PLWS dan juga perbincangan berkaitan isu-isu semasa. Program sehari ini akan dianjurkan seperti berikut :

**Tarikh** : **9<sup>hb</sup> Ogos 2016 (Selasa)**  
**Masa** : **8.00 pagi – 5.30 petang**  
**Tempat** : **The Royale Chulan Kuala Lumpur**

4. Bagi tuan/puan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), tuan/puan adalah berhak untuk membuat tuntutan bagi **Geran Latihan melalui sistem e-tris**. Permohonan secara talian (*online*) hendaklah dibuat selewat-lewatnya sehari sebelum program ini berlangsung. Tuntutan adalah seperti berikut :

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1	Elaun Harian	Jarak kurang 70km = RM150 / Sehari / Seorang Jarak lebih 70km = RM400 / Sehari / Seorang
2	Tiket Kapal Terbang	Mengikut Resit

5. Oleh itu, pihak Jabatan berbesar hati menjemput tuan/puan daripada kalangan **Pengurusan Atasan Syarikat atau Kesatuan Sekerja** bagi menyertai program ini. Bersama-sama ini disertakan **Aturcara Program (Tentatif)** untuk makluman pihak tuan/puan.

6. Bersama ini juga disertakan borang pengesahan kehadiran yang perlu dikembalikan sebelum **21hb Julai 2016** Sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh menghubungi;

- i. **Puan Balqis Salwa binti Mohd Bahar**
- ii. **Cik Nor Ellina binti Ab Razak**
- iii. **Cik Nor Fariza binti Mohd Radzi**

Sekian, terima kasih

Saya yang menurut Perintah,

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi”**

**KHALID BIN JALI**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA**